



NEGERI JOHOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 65  
No. 5

**4hb Mac 2021**

*TAMBAHAN No. 5  
PERUNDANGAN*

---

---

**J. P.U. 9.**

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PENJAJA  
(MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI) 2020

---

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

---

Undang-Undang Kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Dasar-dasar, pekeliling, dsb.
4. Larangan menjaja tanpa lesen
5. Permohonan lesen
6. Ukuran gerai
7. Pemegang lesen tidak hadir
8. Larangan
9. Makanan dan minuman yang dilarang dijual oleh penjaja berlesen di luar pagar sekolah
10. Pematuhan terhadap peraturan-peraturan
11. Penjaja beredar
12. Kereta sorong
13. Kereta
14. Penjaja beredar hendaklah berpindah-pindah
15. Pemeriksaan doktor
16. Kebersihan
17. Kayu api tidak dibenarkan

18. Tong sampah hendaklah diadakan
19. Sampah pepejal yang basah
20. Pelupusan sampah
21. Tumpahan bahan busuk
22. Bayaran
23. Lesen salinan
24. Bayaran carian
25. Penalti
26. Penyitaan
27. Tuntutan ke atas barang-barang yang disita
28. Pemansuhan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen 73(1), 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Bandaraya Iskandar Puteri membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

#### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Bandaraya Iskandar Puteri) 2020**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

#### **Tafsiran**

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Majlis Bandaraya Iskandar Puteri;

“gerai” termasuklah mana-mana gerai berkunci, meja, stor, bangku, bangku panjang, bakul, kerusi, kayu kandar, petak-peraga dinding, papan tunjuk dari apa-apa jua jenis atau apa-apa lain yang berkaitan dengannya sama ada mudah alih atau bukan mudah alih dan sama ada beroda atau tidak beroda, yang di atasnya atau di dalamnya makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis dijual atau didedahkan untuk jualan di mana-mana tempat persendirian atau tempat awam;

“gerai berkunci” ertinya gerai yang dibina oleh Datuk Bandar atau oleh mana-mana badan Kerajaan atau badan berkanun yang dikelaskan sebagai demikian oleh Datuk Bandar;

“kenderaan” termasuklah apa-apa kereta yang digerakkan dengan jentera atau selainnya dan termasuk gadi, kereta sorong, kereta tolak, basikal, trisikal, motosikal, skuter, kereta, van, lori, vesel, bot atau rakit yang dipadankan atau digunakan bagi maksud menjaja;

“makanan” hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Makanan 1983 [*Akta 281*] dan tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Makanan 1985 [*P.U.(A) 437/1985*];

“penjaja” termasuklah penjaja beredar, statik atau sementara;

“penjaja beredar” ertinya seseorang yang dengan atau tanpa kereta pergi dari setempat ke setempat untuk mendedahkan, membahagi atau menyerahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis;

“penjaja sementara” ertinya seseorang yang kadangkala mendirikan gerai dan menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis di petak yang ditetapkan bagi maksud itu oleh Datuk Bandar bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Datuk Bandar;

“penjaja statik” ertinya seseorang yang mendirikan gerai secara tetap di sesuatu tempat awam atau tempat persendirian dan menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis; dan

“tempat awam” ertinya mana-mana lapangan terbuka, tempat letak kereta, kebun bunga, taman rekreasi dan bersuka-suka atau medan, sama ada terkepong atau tidak, yang dikhas atau diperuntukkan bagi kegunaan orang ramai atau yang terbuka kepada orang ramai pada bila-bila masa.

### **Dasar-dasar, pekeliling, dsb.**

3. Dasar-dasar, Pekeliling Kerajaan atau arahan-arahan bertulis daripada Datuk Bandar atau pelbagai Kementerian atau Jabatan atau Agensi Kerajaan lain yang mana difikirkan patut dan sesuai dan dipersetujui oleh Datuk Bandar hendaklah diterima pakai bersama-sama Undang-Undang Kecil ini dari semasa ke semasa.

### **Larangan menjaja tanpa lesen**

4. Tiada seorang pun boleh bertindak sebagai penjaja tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar di bawah Undang-Undang Kecil ini.

### **Permohonan lesen**

5. (1) Tiap-tiap permohonan bagi mendapatkan lesen untuk bertindak sebagai penjaja hendaklah dibuat secara bertulis kepada Datuk Bandar dalam borang yang ditetapkan oleh Datuk Bandar.

(2) Jika permohonan bagi mendapatkan lesen diluluskan, Datuk Bandar hendaklah meminta pemohon memberi dua keping gambar fotonya berukuran pasport dengan mana pemohon boleh dikenali.

(3) Lesen hendaklah dalam borang yang ditetapkan oleh Datuk Bandar.

(4) Tiap-tiap lesen, selain daripada yang dikeluarkan kepada penjaja beredar, hendaklah berkenaan dengan tapak atau tapak-tapak tertentu.

(5) Tiap-tiap lesen hendaklah ditentukan—

(a) tempoh sahnya lesen itu iaitu tempoh itu hendaklah tidak lebih daripada enam bulan berakhir sama ada pada 30hb Jun atau 31hb Disember;

(b) jenis makanan, minuman atau barang-barang yang akan dijual; dan

(c) had-had, syarat-syarat dan sekatan-sekatan sebagaimana yang difikirkan oleh Datuk Bandar patut dikenakan.

(6) Tiap-tiap lesen boleh dibatalkan oleh Datuk Bandar pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.

(7) Datuk Bandar boleh, menurut budi bicaranya, enggan memberi atau membaharui sesuatu lesen tanpa memberi apa-apa sebab.

(8) Tiap-tiap orang yang telah diberi lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada setiap masa di sesuatu tempat yang mudah dilihat di premis, kereta atau gerai yang dilesen, dan hendaklah menunjukkan lesen itu bila dikehendaki berbuat demikian oleh Datuk Bandar atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Datuk Bandar.

(9) Pemegang lesen hendaklah menyerahkan balik lesennya kepada Datuk Bandar apabila lesen itu tamat tempohnya, dibatalkan, dipotong atau digantung.

(10) Lesen tidak boleh dipindah milik.

### **Ukuran gerai**

6. (1) Tiada suatu gerai lain daripada gerai yang dibina oleh Datuk Bandar atau mana-mana badan Kerajaan atau badan berkanun boleh melebihi lapan belas desimeter panjang dan sembilan desimeter lebar melainkan dikecualikan oleh Datuk Bandar secara bertulis dan hendaklah beratap sebagaimana diluluskan oleh Datuk Bandar.

(2) Tiada suatu petak-peraga dinding boleh melebihi ukuran tiga puluh enam desimeter kali lapan belas desimeter kali tiga desimeter.

**Pemegang lesen tidak hadir**

7. (1) Pemegang lesen hendaklah sentiasa hadir dan menjalankan atau mengawasi perniagaan di gerai atau petaknya, melainkan jika ia tidak dapat hadir atas sesuatu sebab yang munasabah.

(2) Jika pemegang lesen tidak dapat menguruskan perniagaannya di gerainya selama tempoh tiga puluh hari atau lebih, ia hendaklah melantik seorang penama mengambil tempatnya dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan secara bertulis dari Datuk Bandar.

(3) Datuk Bandar tidak boleh, kecuali dalam hal keadaan yang difikirkannya patut, memberi sesuatu kelulusan di bawah peruntukan perenggan (2) Undang-Undang Kecil ini bagi sesuatu tempoh lebih daripada tiga bulan.

(4) Jika seorang penama bertindak bagi pihak seorang pemegang lesen di bawah peruntukan Undang-Undang Kecil ini, kewajipan-kewajipan dan tanggungjawab-tanggungjawab yang dikenakan ke atas pemegang lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah terletak ke atas penama tersebut yang mana boleh didakwa atas apa-apa pelanggaran Undang-Undang Kecil ini seolah-olah ia adalah pemegang lesen.

(5) Bayaran sebanyak dua puluh ringgit hendaklah dibayar oleh pemegang lesen bagi melantik seorang penama.

**Larangan**

8. (1) Tiada seorang penjaja boleh menjalankan perniagaannya—

(a) dalam lingkungan sembilan meter dari simpang jalan;

(b) dalam lingkungan tiga puluh desimeter dari pili bomba; atau

(c) di atas tangga, kaki lima atau tempat lapangan awam yang berturap melainkan dibenarkan oleh Datuk Bandar.

(2) Tiada seorang penjaja boleh menjalankan perniagaannya dengan cara yang boleh menghalang atau mengganggu perjalanan lancar lalu lintas kereta dan pergerakan bebas orang-orang yang berjalan kaki.

(3) Tiap-tiap penjaja hendaklah mematuhi apa-apa arahan lisan atau bertulis yang diberi oleh Datuk Bandar atau oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Datuk Bandar berkenaan dengan penempatan gerai, kereta atau lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya.

(4) Tiap-tiap penjaja sementara hendaklah memindahkan dari petak atau tapaknya, gerai, kereta atau lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya pada waktu perniagaan ditutup tiap-tiap hari atau tiap-tiap malam, mengikut mana yang berkenaan.

(5) Penjualan makanan dan minuman di dalam lingkungan 40 meter dari pagar sekeliling sekolah adalah dilarang bagi semua penjaja statik, penjaja beredar dan penjaja sementara.

(6) Seorang penjaja hendaklah berumur tidak kurang daripada lapan belas tahun melainkan dikecualikan Datuk Bandar.

### **Makanan dan minuman yang dilarang dijual oleh penjaja berlesen di luar pagar sekolah**

9. (1) Penjaja statik atau peniaga gerai yang telah dilesenkan sebelum Undang-Undang Kecil ini berkuat kuasa, yang berada di dalam lingkungan 40 meter dari pagar sekeliling sekolah, adalah dibenarkan menjual makanan dan minuman tetapi perlu mematuhi senarai makanan dan minuman yang dilarang dijual yang dinyatakan di bawah perenggan (2) Undang-Undang Kecil ini.

(2) Makanan dan minuman yang dilarang dijual oleh penjaja berlesen di luar pagar sekolah adalah—

(a) makanan termasuklah—

- (i) gula-gula dan coklat;
- (ii) jenis-jenis makanan yang telah dijeruk sama ada masam, masin atau manis, basah atau kering seperti asam masin, jeruk mangga, kulit limau dan jeruk bawang;
- (iii) makanan ringan atau makanan rapu yang mengandungi bahan perisa dan perwarna tiruan;
- (iv) makanan yang mengandungi alkohol; dan
- (v) makanan yang melanggar mana-mana peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 [*P.U.(A) 437/1985*];

(b) minuman termasuklah—

- (i) minuman yang mengandungi alkohol; dan
- (ii) minuman yang melanggar Peraturan-Peraturan Makanan 1985 [*P.U.(A) 437/1985*];

(c) makanan dan minuman yang tidak digalakkan untuk dijual adalah termasuk—

- (i) konfeksi ais dan aiskrim;
- (ii) makanan diproses termasuk burger, sosej dan nuget;
- (iii) minuman berkarbonat; dan
- (iv) minuman yang mengandungi bahan pewarna kecuali susu berperisa.

**Pematuhan terhadap peraturan-peraturan**

10. Penjaja dan pembantu yang dibenarkan menjual makan dan minuman di luar pagar sekolah hendaklah mematuhi peraturan-peraturan berikut–

- (a) hadir Kursus Pengendalian Makanan yang dianjurkan oleh Majlis atau agensi yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
- (b) mempamerkan Sijil Hadir Kursus Pengendalian Makanan semasa berniaga;
- (c) mendapatkan pemeriksaan perubatan bagi suntikan tifoid dan sentiasa membawa bukti penerimaan suntikan semasa berniaga;
- (d) membungkus makanan dengan pembungkus yang selamat dan tidak mencemarkan makanan (penggunaan surat khabar atau kertas bercetak adalah dilarang);
- (e) memasukkan sisa-sisa makanan dan sampah ke dalam karung plastik sebelum dibuang ke dalam tong sampah;
- (f) menutup makanan dan minuman agar tidak terdedah kepada lalat, serangga lain dan habuk yang boleh mencemarkan makanan;
- (g) mencuci tangan dengan sabun sebelum mengendalikan makanan dan minuman serta selepas menggunakan tandas;
- (h) menggunakan pengepit plastik atau sarung tangan plastik untuk mengambil makanan;
- (i) menggunakan apron dan tutup kepala atau topi ketika mengendalikan makanan;
- (j) menjaga kebersihan kenderaan atau gerai dan kawasan sekelilingnya;
- (k) tidak merokok semasa mengendalikan makanan; dan
- (l) menggunakan perkakas dan peralatan yang sentiasa bersih, tidak sumbing atau rosak.

**Penjaja beredar**

11. Tiada seseorang boleh bertindak sebagai penjaja beredar di mana-mana jalan atau di mana-mana tempat yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

**Kereta sorong**

12. Kereta sorong yang digunakan oleh penjaja beredar tidak boleh melebihi lapan belas desimeter panjang dan sembilan desimeter lebar dan atapnya atau kajang di atasnya tidak boleh lebih panjang daripada tiga desimeter dari mana-mana bahagian kereta sorong itu.

**Kereta**

13. Jika kereta digunakan oleh penjaja beredar, ukuran atau bentuk kereta itu hendaklah mengikut sebagaimana diluluskan oleh Datuk Bandar.

**Penjaja beredar hendaklah berpindah-pindah**

14. Penjaja beredar tidak boleh tinggal tetap di sesuatu tempat kecuali pada waktu ia sebenarnya menjual barang-barang kepada pelanggan-pelanggan dan pada waktu ia tidak sebenarnya berbuat demikian, ia hendaklah sentiasa berpindah-pindah.

**Pemeriksaan doktor**

15. Tiap-tiap penjaja hendaklah membuat pemeriksaan doktor mengikut sebagaimana diarahkan oleh Datuk Bandar.

**Kebersihan**

16. (1) Tiap-tiap penjaja hendaklah menjaga—

(a) dirinya dan pakaiannya supaya berada dalam keadaan bersih; dan

(b) gerai atau keretanya dan lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya supaya berada dalam keadaan bersih dan sihat dan hendaklah dicat atau mengecatnya semula pada bila-bila masa sebagaimana diarahkan oleh Datuk Bandar.

(2) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar boleh mengarahkan supaya mana-mana gerai atau kenderaan milik penjaja ditutup dan perniagaan dihentikan serta-merta sekiranya pada pendapat pegawai tersebut gerai atau kenderaan didapati kotor.

**Kayu api tidak dibenarkan**

17. Penjaja tidak boleh menggunakan kayu api di tempat perniagaannya bagi maksud menyediakan makanan melainkan dikecualikan oleh Datuk Bandar.

**Tong sampah hendaklah diadakan**

18. Tiap-tiap penjaja hendaklah mengadakan tong-tong sampah atau bekas-bekas yang cukup sebagaimana yang diperlukan sebagai tempat mengisi sampah.

**Sampah pepejal yang basah**

19. Segala sampah busuk atau sampah pepejal basah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik atau lain-lain bekas yang sesuai sebelum diletakkan dalam tong sampah.

**Pelupusan sampah**

20. Segala sampah dalam tong sampah hendaklah dilupuskan oleh penjaja mengikut cara yang diarahkan Datuk Bandar.



**Tumpahan bahan busuk**

21. Tiada seorang penjaja boleh menyebabkan atau membenarkan diletakkan, ditumpahkan, ditaburkan atau dibuang apa-apa darah, air asin, cecair buangan atau lain-lain bahan busuk dalam mana-mana longkang atau di atas mana-mana tempat awam lain.

**Bayaran**

22. Bayaran yang kena dibayar bagi suatu lesen hendaklah sebagaimana ditetapkan dalam Jadual Kedua dan hendaklah dibayar terlebih dahulu.

**Lesen salinan**

23. Suatu lesen salinan akan dikeluarkan sekiranya lesen yang asal itu hilang dengan bayaran sepuluh ringgit.

**Bayaran carian**

24. Bayaran carian bagi mana-mana lesen hendaklah sebanyak sepuluh ringgit dan hendaklah dibayar terlebih dahulu.

**Penalti**

25. Seseorang yang bertindak sebagai penjaja tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar di bawah Undang-Undang Kecil ini dan seseorang yang setelah diberi lesen oleh Datuk Bandar di bawah Undang-Undang Kecil ini bertindak berlawanan dengan mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

**Penyitaan**

26. (1) Apa-apa barang yang dicadang atau didedahkan untuk jualan, bersama-sama dengan bekasnya dan apa-apa alat yang menyertainya dan juga gerai atau kereta kepunyaan atau jagaan orang yang berlesen atau tidak berlesen untuk bertindak sebagai penjaja yang tidak mematuhi apa-apa peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh disita oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar dan dipindahkan ke mana-mana tempat yang ditentukan oleh Datuk Bandar dan ditahan di situ atas risikonya.

(2) Apa-apa barang tak tahan lama yang disita di bawah perenggan (1) Undang-Undang Kecil ini boleh dilupuskan pada bila-bila masa mengikut cara yang ditentukan oleh Datuk Bandar atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

(3) Datuk Bandar tidaklah bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan sekiranya berlaku kepada barang atau benda yang disita dalam masa mengalihkannya dan semasa dalam jagaan Datuk Bandar.

**Tuntutan ke atas barang-barang yang disita**

27. Seseorang yang ada apa-apa tuntutan ke atas mana-mana barang yang telah dipindahkan dan ditahan di bawah undang-undang kecil 26, termasuk barang-barang tidak tahan lama, boleh menuntut barang-barang itu daripada Datuk Bandar dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh barang-barang itu disita tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Datuk Bandar dan tertakluk kepada pembayaran bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

Dengan syarat bahawa jika sekiranya tiada apa-apa tuntutan dibuat ke atas mana-mana barang yang telah dipindahkan dan ditahan itu dalam tempoh tiga bulan yang dinyatakan itu, Datuk Bandar boleh melupuskan barang-barang itu tujuh (7) hari selepas tamat tempoh tahanan tersebut, mengikut cara yang difikirkan patut oleh Datuk Bandar.

**Pemansuhan**

28. (1) Tertakluk kepada perenggan (2) apabila Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa, Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Daerah Johor Bahru Tengah) 1982 yang telah diwartakan melalui J.P.U. 11/1984 (selepas ini disebut Undang-Undang Kecil termansuh) hendaklah terhenti berkuat kuasa dan hendaklah disifatkan telah dimansuhkan.

(2) Walau apa pun perenggan (1)–

- (a) tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Undang-Undang Kecil ini boleh menghalang mana-mana orang daripada didakwa atau dihukum di bawah Undang-Undang Kecil termansuh sebelum mula berkuat kuasanya Undang-Undang Kecil ini;
- (b) apa-apa prosiding di bawah Undang-Undang Kecil termansuh yang belum diputuskan sebelum mula berkuat kuasa Undang-Undang Kecil ini hendaklah diterangkan di bawah Undang-Undang Kecil termansuh seolah-olah Undang-Undang Kecil ini tidak dibuat;
- (c) apa-apa lesen yang telah dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil termansuh hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kuat kuasa sehingga tamat tempoh baginya ia telah diberikan tetapi ia hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil ini dan mana-mana peraturan dan boleh dibatalkan di bawah dan mengikut Undang-Undang Kecil ini; dan
- (d) apa-apa pelantikan atau penguatkuasaan yang dibuat di bawah Undang-Undang Kecil termansuh hendaklah berkuat kuasa dan mempunyai kuat kuasa seolah-olah ia telah dibuat di bawah Undang-Undang Kecil ini, sehinggalah pelantikan atau penguatkuasaan itu dibatalkan atau disatukan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

JADUAL PERTAMA  
[*Undang-undang kecil 11*]

1. Semua bahagian jalan-jalan awam yang berikut–
  - (i) sepanjang Lebuhraya Senai dari km. 12.8 ke km. 19.3.
  - (ii) sepanjang Jalanraya Johor Bahru/Pontian dari km. 24.9 ke km. 26.5 di Kangkar Pulai.
  - (iii) sepanjang Jalanraya Johor Bahru/Pontian dari km. 34.5 ke km. 36.2 di Ulu Choh.
  - (iv) sepanjang Jalanraya Johor Bahru/Gelang Patah dari km. 24 ke km. 25.5 di Lima Kedai.
2. Semua tempat letak kereta awam.
3. Semua perhentian bas, stesen bas dan tempat teksi.
4. Keseluruhan kawasan yang berikut–
  - (i) dalam lingkungan 40 meter dari kawasan pagar sekeliling sekolah/kolej.
  - (ii) dalam jarak 100 meter dari sempadan kawasan pejabat Kerajaan.
  - (iii) di dalam rumah dan kawasan rumah kediaman.
  - (iv) di jalan-jalan masuk dan di jalan utama kawasan perumahan.
  - (v) bahu-bahu jalan yang melibatkan kawasan berumput landskap, taman atau siar kaki.
  - (vi) dalam kawasan taman permainan dan rekreasi.
  - (vii) di rizab jalan yang diisytiharkan sebagai jalan protokol.
  - (viii) mana-mana lorong belakang, lorong tepi dan lorong-lorong susur.

JADUAL KEDUA  
[*Undang-undang kecil 22*]  
FI BULANAN

	Minimum RM	Maksimum RM
1. Penjaja bergerak	RM10.00	RM20.00
2. Penjaja statik	RM20.00	RM40.00

JADUAL KETIGA  
[*Undang-undang kecil 27*]  
FI PENYITAAN, PENGALIHAN DAN PENYIMPANAN

	Minimum RM	Maksimum RM
1. Memindahkan gerai atau barang-barang	RM30.00	RM50.00
2. Bayaran menyimpan gerai atau barang-barang	RM10.00 sehari bagi tempoh tidak lebih daripada 7 hari dan RM20.00 sehari kemudian daripadanya	
3. Memindahkan kenderaan (selain lori)	RM50.00	RM500.00
4. Memindahkan lori kurang daripada 3 tan	RM350.00	RM700.00
5. Memindahkan lori melebihi 3 tan	RM500.00	RM1,000.00

Bertarikh: 31 Oktober 2018

[MPJBT(UU) 800-1/1/2]

[SUKJ.KT. 24/69/29 JLD. 2(18); PPUUNJ. 600-1/2/21(2)]

DATO' HAJI SALEHUDDIN BIN HAJI HASSAN  
*Datuk Bandar*  
*Majlis Bandaraya Iskandar Puteri*

Disahkan: 26 Ogos 2020

[Ringkasan Mesyuarat Bil. 981/2020]

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF  
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Johor*

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

HAWKERS (ISKANDAR PUTERI CITY COUNCIL) BY-LAWS 2020

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

By-laws

1. Citation and commencement
2. Interpretation
3. Policies, circulars, etc.

4. Prohibition to hawk without licence
5. Application for licence
6. Size of stall
7. Absence of licensee
8. Prohibition
9. Food and beverage prohibited to be sold by hawker outside the school fence
10. Compliance with the regulations
11. Itinerant hawker
12. Handcart
13. Vehicle
14. Itinerant hawker shall be continuously move
15. Medical examination
16. Cleanliness
17. No firewood
18. Refuse bins shall be provided
19. Wet solid refuse
20. Disposal of refuse
21. Spilling of putrescence matter
22. Fees
23. Duplicate of licence
24. Search fee
25. Penalty
26. Seizure
27. Claims of seized goods
28. Repeal

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

THIRD SCHEDULE

IN exercise of the powers conferred by subsection 73(1), 102 and 102A of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Iskandar Puteri City Council makes and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority confirms, the following by-laws:

#### **Citation and commencement**

1. (1) These By-Laws may be cited as the **Hawkers (Iskandar Puteri City Council) By-Laws 2020**.

(2) These By-Laws shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

### **Interpretation**

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires–

“Mayor” means the Mayor of a Iskandar Puteri City Council;

“stall” includes any lock-up stall, table, store, stool, bench, basket, chair, ‘*kandar*’ stick, wall show-case, show board of whatever nature or any other appurtenances whether portable or non-portable and whether on wheels or not on wheels, whereon or wherein food, beverages or goods of any kind are sold or exposed for sale in any private or public place;

“lock-up stalls” means a stall constructed by the Mayor or by any Government or statutory body classified as such by the Mayor;

“vehicle” includes any vehicle mechanically driven or otherwise and includes a barrow, cart, handcart, bicycle, tricycle, motorcycle, scooter, car, van, lorry, vessel, boat or raft adopted or used for the purpose of hawking;

“food” shall have the same meaning as defined in section 2 of the Food Act 1983 [*Act 281*] and subject to Food Regulations 1985 [*P.U.(A) 437/1985*];

“hawker” includes itinerant, static or temporary hawker;

“itinerant hawker” means any person who with or without vehicle goes from place to place to expose, distribute or deliver for sale any food, beverages or goods of any kind;

“temporary hawker” means any person who occasionally sets up a stall and sells or exposes for sale any food, beverages or goods of any kind in a pitch designated for such purpose by the Mayor for such period as the Mayor may determine;

“static hawker” means any person who sets up a stall permanently in any private or public place and sells or exposes for sale any food, beverages or goods of any kind; and

“public place” means any open space, parking place, garden, recreation and pleasure ground or square, whether enclosed or not, set apart or appropriated for the use of the public or to which the public shall at any time have access.

**Policies, circular, etc.**

3. Policies, Government Circular or written instruction from the Mayor or others Ministry or Department or other Government's Agencies which appropriate and suitable and agreed by the Mayor shall be used together with these By-Laws from time to time.

**Prohibition to hawk without licence**

4. No person shall act as a hawker without a licence issued by the Mayor under these By-Laws.

**Application for licence**

5. (1) Every application for a licence to act as a hawker shall be made in writing to the Mayor in such form as the Mayor may determine.

(2) Where an application for a licence is granted, the Mayor shall require the applicant to submit two passport size photographs of the applicant which shall portray a recognizable likeness of the applicant.

(3) A licence shall be in such form as the Mayor may determine.

(4) Every licence, other than that issued to an itinerant hawker, shall be in respect of a specified site or sites.

(5) Every licence shall specify—

(a) the period for which the licence shall be valid, such period shall not exceed six months ending either on 30th June or 31st December;

(b) the type of food, beverages or goods to be sold; and

(c) the limitations, conditions and restrictions as the Mayor may think fit to impose.

(6) Every licence shall be revocable by the Mayor at any time without assigning any reason therefore.

(7) The Mayor may, at his discretion, refuse to grant or renew any licence without assigning any reason therefore.

(8) Every person to whom a licence has been granted shall display his licence at all times in some prominent place on the licenced premise, vehicle or stall and shall produce such licence if required to do so by the Mayor or any person authorized by the Mayor.

(9) A licensee shall return his licence to the Mayor, upon its expiry, revocation, cancellation or suspension.

(10) A licence shall not be transferable.

#### **Size of stall**

6. (1) No stall other than stall constructed by the Mayor or any Government body or statutory body shall exceed eighteen decimetres in length and nine decimetres in width unless exempted by the Mayor in writing and shall have such covering as approved by the Mayor.

(2) No wall showcases shall exceed thirty-six decimetres by eighteen decimetres by three decimetres.

#### **Absence of licensee**

7. (1) A licensee shall, unless absent for some reasonable cause, at all times be present and conduct or superintend the business at his stall or pitch.

(2) Where a licensee cannot manage his business at his stall for a period of thirty days or more, he shall appoint a nominee replacing his place with prior approval in writing of the Mayor.

(3) The Mayor shall not, except in such circumstances as he may think fit, grant any approval under the provisions of paragraph (2) of these By-Laws for any period in excess of three months.

(4) Where a nominee acts on behalf of a licensee under the provisions of these By-Laws, the duties and responsibilities imposed on a licensee under these By-Laws shall fall upon such nominee who shall be liable to prosecution for any contravention of these By-Laws as if he were the licensee.

(5) A fee of twenty ringgit shall be payable by a licensee for the appointment of a nominee.

#### **Prohibition**

8. (1) No hawker shall carry on his business—

(a) within nine metres from a street junction;

(b) within thirty-six decimetres of a fire hydrant; or

(c) on a stairway, footway or a public pavement unless permitted by the Mayor.

(2) No hawker shall carry on his business in such a manner as to obstruct or to interfere with the free flow of vehicular traffic and of the free movement of pedestrians.



(3) Every hawker shall comply with such verbal or written directions by the Mayor or by any person authorized by the Mayor regarding the placement of the stall, vehicle or other appurtenances relating to his business.

(4) Every temporary hawker shall remove his stall, vehicle or other appurtenances relating to his business from his pitch or site, when the business period ending each day or night, as the case may be.

(5) The sale of food and beverages within 40 metres of the fence around the school is prohibited for all static hawkers, itinerant hawker and temporary hawkers.

(6) No hawker shall be less than eighteen years of age unless exempted by the Mayor.

**Food and beverage prohibited to be sold by hawker outside the school fence**

9. (1) The static hawker or stall dealer who have been licenced before these By-Laws come into force, within 40 metres of the school fence, are allowed to sell food and beverage but must comply with the list of prohibited sale of food and beverage specified under paragraph (2) of these By-Laws.

(2) Food and beverage prohibited to be sold by licenced hawkers outside the school fence are—

(a) food including—

- (i) candy and chocolate;
- (ii) type of foods that have been preserved either sour, salty or sweet, wet or dry such as salted *asam*, mango pickles, lemon peel and onion pickles;
- (iii) snacks or junk foods containing artificial ingredients and artificial colouring;
- (iv) foods containing alcohol; and
- (v) food that contravenes any provision of the Food Regulations 1985 [*P.U.(A) 437/1985*]

(b) beverage including—

- (i) beverage containing alcohol; and
- (ii) beverage that contravenes any provision of the Food Regulations 1985 [*P.U.(A) 437/1985*];

- (c) food and beverage which are not recommended to be sold including–
  - (i) ice confectionery and ice cream;
  - (ii) processed food including burger, sausage and nugget;
  - (iii) soft drink; and
  - (iv) drink containing food colouring except flavoured milk.

### **Compliance with the regulations**

10. The hawkers and assistants who sell food and beverage outside the school fence shall comply with the following regulations–

- (a) attend Food Handling Course organized by Council or agency recognized by Ministry of Health Malaysia (MOH);
- (b) exhibit Certificate of Attendance for Food Handling Course during business;
- (c) obtain a medical examination for typhoid injection and always carry evidence of injection acceptance during business;
- (d) pack the food with safe and non-contaminated packaging (using newspapers or printed papers are prohibited);
- (e) dumping food and garbage debris into plastic before throw it into the trash;
- (f) cover the food and drink so that not to expose to flies, other insects and dust that may contaminate food;
- (g) wash hands with soap before handling food and beverages and after using the toilet;
- (h) use a plastic claw or plastic gloves to pick up food;
- (i) use an apron and head cap or hat when handling food;
- (j) maintain the cleanliness of the vehicle or the stalls and surrounding areas;
- (k) do not smoke while handling food; and
- (l) use tools and equipment that are always clean, not cracked or damaged.

**Itinerant hawker**

11. No person shall act as an itinerant hawker in any street or at any place specified in the First Schedule.

**Handcart**

12. The handcart used by an itinerant hawker shall not exceed eighteen deametres in length and nine deametres in width and the cover or awning over it shall not extend more than three deametres from any part of the handcart.

**Vehicle**

13. Where a vehicle is used by an itinerant hawker, the size or shape of the vehicles shall be of such approved by the Mayor.

**Itinerant hawker shall be continuously move**

14. No itinerant hawker shall be permanently remain in any place except when actually engaged in the sale of goods to customers and when he not so engaged, he shall be continuously move.

**Medical examination**

15. Every hawker shall be subjected to such medical examination as may be directed by the Mayor.

**Cleanliness**

16. (1) Every hawker shall maintain—

- (a) himself and his clothing in a state of cleanliness; and
- (b) his stall or vehicle and other appurtenances relating to his business in a clean and sanitary condition and shall be painted or repainted at such time as may be directed by the Mayor.

(2) Any of the officer authorized in writing by the Mayor may instruct any stall or vehicle owned by the hawker to be immediately closed and stopped the business if in his opinion the stall or vehicle is dirty.

**No firewood**

17. No hawker shall use firewood at his business place for the purpose of preparing food unless exempted by the Mayor.

**Refuse bins shall be provided**

18. Every hawker shall provide adequate refuse bins or receptacles as may be necessary for the reception of refuse.

**Wet solid refuse**

19. All putrescence garbage or wet solid refuse shall be placed in plastic bags or other suitable receptacles before it was deposited in refuse bins.

**Disposal of refuse**

20. All refuse in the refuse bins shall be disposed off by the hawker in such manner as may be directed by the Mayor.

**Spilling of putrescence matter**

21. No hawker shall cause or permit to be deposited, spilled, scattered or thrown any blood, brine, waste liquid or other putrescence matter into any drain or on any other public place.

**Fees**

22. The fee payable for a licence shall be as prescribed in the Second Schedule and shall be paid in advance.

**Duplicate of licence**

23. A duplicate licence may be issued in the event of loss of the original licence for a fee of ten ringgit.

**Search fee**

24. Search fee for any licence shall be ten ringgit and shall be paid in advance.

**Penalty**

25. Any person who acts as a hawker without a licence issued by the Mayor under these By-Laws and any person who being licenced by the Mayor under these By-Laws acts in contravention of any provisions of these By-Laws shall be guilty of an offence and shall be liable on conviction to a fine not exceeding one thousand ringgit or a term of imprisonment not exceeding one year or both such fine and imprisonment.

**Seizure**

26. (1) Any article intended or exposed for sale, accompanied with its receptacles and any accompanying appliances and the stall or vehicle belongs or custody of a person who have a licenced or not, to act as a hawker who convicting any provision under these By-Laws may be seized by any officer authorized in writing by the Mayor and removed to and detained at such place as may be determined by the Mayor at the risk of the owner.

(2) Any perishable article seized under paragraph (1) of these By-Laws may be disposed off at any time in such manner as the Mayor or any authorized officer may determine.

(3) The Mayor shall not responsible for any damages in the event of the movement of seized goods or articles, and for the period of such goods or articles is under the custody of the Mayor.

### **Claims of seized goods**

27. A person who have a claim on any goods that have been removed and detained under by-law 26, includes any non-durable goods, may claim the same from the Mayor within a period of three (3) months from the date of seizure subject to such conditions as may be imposed by the Mayor and subject to the payment of the fees as prescribed in the Third Schedule.

Provided that in the event of there being no claim made to any of the goods that have been removed and detained within the specified period of three months, the Mayor may dispose of the said goods seven (7) days after the expiry of the said detainment period, in such manner as the Mayor may think fit.

### **Repeal**

28. (1) Subject to paragraph (2) when these By-Laws is being enforce, the Hawkers (Majlis Daerah Johor Bahru Tengah) By-Laws 1982 which has been gazetted by J.P.U. 109/1982 (hereinafter referred to as repealed By-Laws) shall cease to have effect and shall be deemed to have been repealed.

(2) Notwithstanding with paragraph (1)–

- (a) there is no any content in these By-Laws may obstruct any person from being prosecuted or penalized under repealed By-Laws before these By-Laws begins to enforce;
- (b) any uncompleted proceeding under repealed By-Laws, before these By-Laws begin to be enforce it shall be described under repealed By-Laws as if these By-Laws have not yet being made;
- (c) any licence issued under repealed By-Laws shall be continuously enforce and having its enforcement until the given expired period but it shall subject to the provisions under these By-Laws and any other rules and it may be revoked under and with these By-Laws; and
- (d) any appointment or enforcement made under repealed By-Laws shall be enforce and having its enforcement as if it have been made under these By-Laws, until such appointment or enforcement is revoked or united under these By-Laws.

FIRST SCHEDULE

[By-laws 11]

1. The whole of the following public street–
  - (i) along the Senai Highway from km.12.8 to km. 19.3.
  - (ii) along Johor Bahru/Pontian road from km. 24.9 to km. 26.5 at Kangkar Pulai.
  - (iii) along Johor Bahru/Pontian road from km. 34.5 to km. 36.2 at Ulu Choh.
  - (iv) along Johor Bahru/Gelang Patah road from km. 24 to km. 25.5 at Lima Kedai.
2. All public car parks.
3. All bus-stops, bus station and taxi stands.
4. The whole area of the following–
  - (i) within 40 metres of the fence area around the school/college.
  - (ii) within 100 metres from the boundary of Government Office area.
  - (iii) in the house and residential area.
  - (iv) in the entrance road and at the main road of the residential area.
  - (v) the shoulder-road participating grass landscaping area, park or footpath.
  - (vi) in the playground and recreational park.
  - (vii) in the road gazette for the protocol road.
  - (viii) any of passage at back, side and brink.

SECOND SCHEDULE

[By-laws 22]

MONTHLY FEE

	Minimum RM	Maximum RM
1. Itinerant Hawker	RM10.00	RM20.00
2. Static Hawker	RM20.00	RM40.00

## THIRD SCHEDULE

[By-laws 27]

## SEIZURE, TRANSFER AND STORAGE FEE

	Minimum RM	Maximum RM
1. Remove stall and goods	RM30.00	RM50.00
2. Storing the stall and goods	RM10.00 per day for the period not exceeding 7 day and RM20.00 per day for the day after.	
3. Remove vehicle (except lorry)	RM50.00	RM500.00
4. Remove a lorry of not exceeding 3 ton	RM350.00	RM700.00
5. Remove a lorry of exceeding 3 ton	RM500.00	RM1,000.00

Dated: 31 October 2018

[MPJBT(UU) 800-1/1/2]

[SUKJ.KT. 24/69/29 JLD. 2(18); PPUUNJ. 600-1/2/21(2)]

DATO' HAJI SALEHUDDIN BIN HAJI HASSAN

*Mayor**Iskandar Puteri City Council*

Confirmed the: 26 August 2020

[Ringkasan Mesyuarat Bil. 981/2020]

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF

*Clerk of the State Executive Council**Johore*Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
 PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
 CAWANGAN JOHOR BAHRU, 2021  
 BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA  
 www.printnasiona.com.my, email.pnmbjb@printnasiona.com.my